



Kemalangan Diri

## Perlindungan terhadap Kejadian Yang Tidak Dijangka

### SmartPA Enhanced

- ✓ Pembayaran dua kali ganda sehingga RM2 juta
- ✓ Bonus Pembaharuan sehingga 120%
- ✓ Diskaun Tanpa Tuntutan 10%
- ✓ Pembaharuan sehingga umur 100 tahun
- ✓ Kemasukan hospital mudah tanpa tunai
- ✓ Pelan Keluarga turut ditawarkan
- ✓ Perlindungan perubatan untuk Denggi

Dengan **SmartPA Enhanced**, anda dan keluarga boleh menikmati perlindungan komprehensif 24 jam di serata dunia.

**SmartPA Enhanced** adalah insurans Kemalangan Diri ideal yang akan membantu melindungi anda dan keluarga anda kerana anda tidak boleh menjangka bila kemalangan akan berlaku. Walaupun kemalangan tidak dapat dielakkan, **SmartPA Enhanced** mampu memberikan anda ketenangan fikiran dengan perlindungan terhadap kejadian yang tidak dijangka.

Dapatkan perlindungan tambahan melalui Bonus Pembaharuan kami dan manfaat Diskaun Tanpa Tuntutan serta banyak lagi manfaat lain untuk perlindungan yang komprehensif.



## Manfaat-manfaat

### Jumlah Diinsuranskan yang Tinggi

Kami melindungi Kematian atau Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan (termasuk koma) sehingga **RM1,000,000**.



### Bonus Pembaharuan sehingga 120%

Jumlah prinsipal yang diinsuranskan akan meningkat daripada 15% setahun sehingga **120%** semasa pembaharuan dengan syarat tiada tuntutan dibuat di bawah Kematian atau Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan.



### Pembayaran Dua Kali Ganda

Pembayaran dua kali ganda sehingga RM2,000,000 untuk Kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh Kekal Akibat Kemalangan semasa dalam **perjalanan menggunakan pengangkutan awam, perjalanan di luar negara, semasa musim perayaan atau menjadi mangsa kecurian ragut atau rompakan**.



### Kelebihan Pelan Keluarga

Lanjutkan perlindungan kepada suami/isteri dan keluarga anda tanpa had bagi bilangan anak dan nikmati jumlah yang diinsuranskan sebanyak 3 kali ganda dengan pembayaran dua kali ganda sehingga **RM6,000,000**.



### Diskaun Tanpa Tuntutan

Dapatkan **diskaun 10%** untuk premium pembaharuan anda jika anda tidak membuat sebarang tuntutan terhadap polisi anda.



### Kemasukan Hospital Tanpa Tunai

Jaminan sehingga RM12,000 untuk kemasukan di hospital panel dalam Malaysia akibat kemalangan.



### Boleh diperbaharui sehingga umur 100 tahun

Memberi anda perlindungan berterusan sehingga usia emas anda.



### **Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan**

Melindungi perbelanjaan perubatan anda sehingga RM12,000 untuk rawatan dari hospital atau klinik akibat kemalangan.



### **Perlindungan Perubatan untuk Denggi**

Membayar untuk perbelanjaan perubatan bagi rawatan penyakit akibat Denggi, Virus Zika, Malaria, Ensefalitis Jepun atau Chikungunya sehingga 50% Had Perbelanjaan Perubatan.



### **Rawatan Perubatan Alternatif**

Membayar sehingga RM500 untuk setiap kemalangan bagi rawatan oleh pengamal perubatan tradisional berdaftar, pakar osteopati, kiropraktor, ahli herba dan/atau bomoh tulang.



### **Pembedahan Pergigian dan Pembedahan**

Membayar sehingga RM10,000 bagi sebarang perbelanjaan tambahan yang dikenakan untuk pembedahan pergigian dan/atau pembedahan pembedahan kosmetik terhadap muka, leher, kepala atau dada yang perlu dilakukan akibat kemalangan.



### **Elaun Kemasukan Hospital Harian**

Sehingga RM250 elaun tunai harian dibayar setiap hari sehingga maksimum 180 hari untuk kemasukan hospital akibat kemalangan. Ini adalah tambahan kepada pembayaran Perbelanjaan Perubatan!



### **Elaun Ehsan Penjagaan**

Melindungi sehingga RM3,000 untuk perbelanjaan yang ditanggung untuk perjalanan dan penginapan oleh seorang ahli keluarga untuk menjaga dan/atau menemani Pihak Diinsuranskan bawah umur (berumur 12 tahun ke bawah), semasa dimasukkan ke hospital akibat kemalangan.



### **Caj Mingguan Penjagaan Kejururawatan**

Elaun tunai mingguan sehingga RM1,200 setiap minggu untuk penjagaan kejururawatan khas sekiranya penjagaan kejururawatan selepas kemasukan hospital dianggap perlu oleh hospital.



### **Yuran Ambulans**

Membayar kos ambulans yang ditanggung untuk membawa Pihak Diinsuranskan akibat kemalangan.



### **Prostesis**

Membayar kos yang diperlukan untuk membeli kerusi roda, lengan atau kaki palsu dan topang ketiak.



### **Perbelanjaan Penghantaran Pulang**

Pembayaran untuk pembakaran mayat di tempat di mana berlakunya kematian atau perbelanjaan menghantar pulang jenazah kembali ke Malaysia sekiranya berlaku kematian.



### **Elaun Berkabung**

Pembayaran sekaligus sebanyak RM10,000 sebagai elaun berkabung sekiranya berlaku Kemalangan Akibat Kematian, termasuk kematian akibat Denggi, Virus Zika, Malaria, Ensefalitis Jepun atau Chikungunya.



### **Perbelanjaan Pengebumian**

Membayar balik perbelanjaan pengebumian sehingga RM10,000 sekiranya berlaku Kematian akibat Kemalangan, termasuk kematian akibat Denggi, Virus Zika, Malaria, Ensefalitis Jepun atau Chikungunya.



### **Bantuan Tunai**

Membayar wang tunai kecemasan secara sekaligus sehingga RM7,500 sekiranya berlaku Kematian Akibat Kemalangan.



### **Kecurian Ragut atau Rompakan**

Pembayaran sekaligus untuk kerugian atau kerosakan terhadap barangan peribadi akibat kecurian ragut atau rompakan. Laporan polis perlu dikemukakan (mesti dibuat dalam tempoh 24 jam).



### **Manfaat Penculikan**

Pembayaran sehingga RM10,000 sekaligus untuk perbelanjaan yang ditanggung termasuk mengupah penyiasat persendirian. Ganjaran sebanyak RM25,000 untuk maklumat yang membantu penemuan Pihak Diinsuranskan ketika masih hidup. Pembayaran penuh jumlah prinsipal yang diinsuranskan sekiranya orang yang diculik tidak ditemui selepas tempoh satu tahun dari hari penculikan.



### **Pelindung Pinjaman sehingga RM7,500**

Sekiranya berlaku Kematian Akibat Kemalangan, kami akan membayar balik liabiliti kredit Orang Yang Diinsuranskan untuk kredit kad, pinjaman peribadi, overdraf, pinjaman pendidikan, perumahan, kereta atau pengubahsuaian yang belum dijelaskan dengan mana-mana bank yang dilesenkan oleh Bank Negara Malaysia.



### **Liabiliti Peribadi**


Bayaran liabiliti sehingga RM1,000,000, sekiranya anda bertanggungjawab untuk membayar pihak ketiga untuk kecederaan tubuh akibat kemalangan atau kerosakan harta benda yang tidak sengaja.



## **Nilai Tambah - Pilihan**

### **Hilang Upaya Menyeluruh Sementara**

Pilihan untuk memasukkan perlindungan Manfaat Mingguan untuk diri sendiri dan suami/isteri dan layak menerima manfaat mingguan sebanyak 104 minggu jika orang yang diinsuranskan tidak dapat menghadiri kerja akibat kemalangan (seperti yang disahkan oleh pengamal perubatan). Bayaran manfaat mingguan adalah sehingga RM300 seminggu!



## Jadual Manfaat-Manfaat

Jadual Manfaat-Manfaat	Had	Jumlah Diinsuranskan/Had Liabiliti Setiap Kemalangan (RM)						
		Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6	Pelan 7
<b>Manfaat 1 Kematian Akibat Kemalangan</b>								
Kematian Akibat Kemalangan	Setiap Dewasa: Umur <80 tahun	50,000	100,000	200,000	300,000	500,000	750,000	1,000,000
	Setiap Dewasa: Umur ≥80 tahun	25,000	50,000	100,000	150,000	250,000	375,000	500,000
	Setiap Anak	7,500	15,000	30,000	45,000	75,000	112,500	150,000
	Setiap Keluarga	150,000	300,000	600,000	900,000	1,500,000	2,250,000	3,000,000
<b>Manfaat 2 Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan</b>								
Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan	Setiap Dewasa: Umur <80 tahun	50,000	100,000	200,000	300,000	500,000	750,000	1,000,000
	Setiap Dewasa: Umur ≥80 tahun	25,000	50,000	100,000	150,000	250,000	375,000	500,000
	Setiap Anak	7,500	15,000	30,000	45,000	75,000	112,500	150,000
	Setiap Keluarga	150,000	300,000	600,000	900,000	1,500,000	2,250,000	3,000,000
<b>Manfaat 3 Bonus Pembaharuan</b>								
Bonus Pembaharuan	15% setiap tahun sehingga 120% daripada Jumlah Prinsipal Diinsuranskan untuk Manfaat 1 dan Manfaat 2							
<b>Manfaat 4 Ganti Rugi Berganda</b>								
Ganti Rugi Berganda semasa dalam perjalanan menggunakan pengangkutan awam, perjalanan di luar negara, menjadi mangsa kecurian ragut atau rompakan atau terlibat dalam kemalangan semasa musim perayaan	Setiap Dewasa: Umur <80 tahun	100,000	200,000	400,000	600,000	1,000,000	1,500,000	2,000,000
	Setiap Dewasa: Umur ≥80 tahun	50,000	100,000	200,000	300,000	500,000	750,000	1,000,000
	Setiap Anak	15,000	30,000	60,000	90,000	150,000	225,000	300,000
	Setiap Keluarga	300,000	600,000	1,200,000	1,800,000	3,000,000	4,500,000	6,000,000
<b>Manfaat 5 Perbelanjaan Perubatan</b>								
Manfaat 5A (i) Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan	Setiap Dewasa/Anak	3,000	4,000	5,000	6,000	7,000	9,000	12,000
	Setiap Keluarga	9,000	12,000	15,000	18,000	21,000	27,000	36,000
Manfaat 5A (ii) Rawatan Perbuatan Alternatif	Setiap Dewasa/Anak	500	500	500	500	500	500	500
	Setiap Keluarga	1,500	1,500	1,500	1,500	1,500	1,500	1,500
Manfaat 5B Jaminan Kemasukan Tanpa Tunai	Setiap Dewasa	3,000	4,000	5,000	6,000	7,000	9,000	12,000
Manfaat 5C Pembedahan Pergigian dan Pembetulan	Setiap Dewasa/Anak	5,000	5,000	5,000	10,000	10,000	10,000	10,000
	Setiap Keluarga	15,000	15,000	15,000	30,000	30,000	30,000	30,000
Manfaat 5D Elaun Hospital Harian (maksimum 180 hari)	Setiap Hari	50	75	100	125	150	200	250
	Setiap Dewasa/Anak	9,000	13,500	18,000	22,500	27,000	36,000	45,000
	Setiap Keluarga	27,000	40,500	54,000	67,500	81,000	108,000	135,000
Manfaat 5E Elaun Ehsan Penjagaan	Setiap Dewasa/Anak	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000
	Setiap Keluarga	9,000	9,000	9,000	9,000	9,000	9,000	9,000
Manfaat 5F Caj Mingguan Penjagaan Kejururawatan	Setiap Dewasa/Anak	500	750	1,000	1,000	1,000	1,000	1,200
	Setiap Keluarga	1,500	2,250	3,000	3,000	3,000	3,000	3,600
Manfaat 5G Yuran Ambulans Tempatan	Setiap Dewasa/Anak	500	500	500	500	500	500	500
	Setiap Keluarga	1,500	1,500	1,500	1,500	1,500	1,500	1,500
Manfaat 5H Protesis	Setiap Dewasa/Anak	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000
	Setiap Keluarga	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000
<b>Manfaat 6 Penghantaran Pulang Jenazah</b>								
Penghantaran Pulang Jenazah	Setiap Dewasa/Anak	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000
	Setiap Keluarga	30,000	30,000	30,000	30,000	30,000	30,000	30,000
<b>Manfaat 7 Elaun Berkabung/Pengebumian</b>								
Manfaat 7A Elaun Berkabung	Setiap Dewasa/Anak	5,000	5,000	5,000	10,000	10,000	10,000	10,000
	Setiap Keluarga	15,000	15,000	15,000	30,000	30,000	30,000	30,000
Manfaat 7B Perbelanjaan Pengebumian	Setiap Dewasa/Anak	5,000	5,000	5,000	10,000	10,000	10,000	10,000
	Setiap Keluarga	15,000	15,000	15,000	30,000	30,000	30,000	30,000
Manfaat 7C Bantuan Tunai	Setiap Dewasa/Anak	2,000	3,000	5,000	5,000	7,500	7,500	7,500
	Setiap Keluarga	6,000	9,000	15,000	15,000	22,500	22,500	22,500

Jadual Manfaat-Manfaat	Had	Jumlah Diinsuranskan/Had Liabiliti Setiap Kemalangan (RM)						
		Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6	Pelan 7
<b>Manfaat 8 Kecurian Ragut atau Rompakan</b>								
Kecurian Ragut atau Rompakan	Setiap Dewasa/Anak	500	500	500	500	500	500	500
	Setiap Keluarga	1,500	1,500	1,500	1,500	1,500	1,500	1,500
<b>Manfaat 9 Penculikan</b>								
Manfaat 9A Penculikan - Pembayaran Sekaligus	Setiap Dewasa/Anak	5,000	5,000	5,000	10,000	10,000	10,000	10,000
	Setiap Keluarga	15,000	15,000	15,000	30,000	30,000	30,000	30,000
Manfaat 9B Penculikan - Ganjaran	Setiap Dewasa/Anak	25,000	25,000	25,000	25,000	25,000	25,000	25,000
	Setiap Keluarga	75,000	75,000	75,000	75,000	75,000	75,000	75,000
Manfaat 9C Penculikan - Pihak Diinsuranskan Tidak Ditemui	Setiap Dewasa/Anak	50,000	100,000	200,000	300,000	500,000	750,000	1,000,000
	Setiap Keluarga	150,000	300,000	600,000	900,000	1,500,000	2,250,000	3,000,000
<b>Manfaat 10 Pelindung Pinjaman</b>								
Pelindung Pinjaman	Setiap Dewasa	2,000	3,000	5,000	5,000	7,500	7,500	7,500
<b>Manfaat 11 Liabiliti Peribadi</b>								
Liabiliti Peribadi	Setiap Dewasa/Anak	50,000	100,000	200,000	300,000	500,000	750,000	1,000,000
	Setiap Keluarga	150,000	300,000	600,000	900,000	1,500,000	2,250,000	3,000,000
<b>TAMBAHAN</b>								
<b>Manfaat A1 Kelas 1 &amp; 2 - Hilang Upaya Menyeluruh Sementara</b>								
Hilang Upaya Menyeluruh Sementara	Setiap Dewasa/Minggu	50	75	125	150	200	250	300
<b>Manfaat A2 Kelas 3 - Hilang Upaya Menyeluruh Sementara</b>								
Hilang Upaya Menyeluruh Sementara	Setiap Dewasa/Minggu	50	50	50	N/A	N/A	N/A	N/A

**Nota:**

1. Umur yang layak ialah sesiapa yang berumur 18 hingga 69 tahun, boleh diperbaharui sehingga 100 tahun.
2. Umur yang layak untuk kanak-kanak ialah dari 30 hari sehingga 18 tahun (atau sehingga 23 tahun untuk pelajar sepenuh masa).
3. Kanak-kanak dilindungi sebanyak 15% untuk manfaat Kematian dan Hilang Upaya dan 100% untuk manfaat lain.
4. Hanya kanak-kanak yang sah boleh diinsuranskan (tidak kira bilangan anak).
5. Had Keluarga dikenakan untuk pelan Diri Sendiri atau Suami/Isteri dan Anak dan Pelan Diri Sendiri, Suami/Isteri and Anak.



## Lanjutan Khas

- Sukan Amatur
- Kehilangan
- Lemas
- Pendedahan
- Keracunan Makanan dan/atau Minuman
- Rampasan
- Mabuk akibat alkohol (kecuali ketika memandu)
- Menunggang Motosikal
- Pembunuhan dan Serangan
- Gigitan Ular/Serangga Berbisa
- Lemas akibat Asap, Wasap atau Gas Beracun
- Selam Skuba

## Premium

Manfaat-manfaat	Orang Untuk Diinsuranskan	Jadual Manfaat sebelum 6% Cukai Perkhidmatan (RM)						
		Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6	Pelan 7
Kelas Pekerjaan 1 & 2	Diri Sendiri Sahaja	131	197	328	458	708	1,010	1,313
	Diri Sendiri & Suami/Isteri	234	353	587	821	1,270	1,814	2,358
	Diri Sendiri atau Suami/Isteri & Anak	222	302	454	608	888	1,218	1,583
	Diri Sendiri, Suami/Isteri & Anak	340	479	747	1,018	1,523	2,124	2,761
Kelas Pekerjaan 3	Diri Sendiri Sahaja	253	392	662	933	1,451	2,077	2,700
	Diri Sendiri & Suami/Isteri	365	560	939	1,321	2,051	2,931	3,810
	Diri Sendiri atau Suami/Isteri & Anak	300	421	652	888	1,317	1,817	2,362
	Diri Sendiri, Suami/Isteri & Anak	482	700	1,122	1,549	2,342	3,282	4,267
Manfaat Pilihan (Hilang Upaya Menyeluruh Sementara)	Orang Untuk Diinsuranskan	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6	Pelan 7
Kelas Pekerjaan 1 & 2	Diri Sendiri Sahaja	30	45	75	90	120	150	180
	Suami/Isteri Sahaja	30	45	75	90	120	150	180
Kelas Pekerjaan 3	Diri Sendiri Sahaja	70	70	70	N/A	N/A	N/A	N/A
	Suami/Isteri Sahaja	70	70	70	N/A	N/A	N/A	N/A

Nota:

1. Premium adalah tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan
2. Sila tambah RM10.00 untuk duti setem



## Pekerjaan

### Kelas 1

Profesion dan pekerjaan yang melibatkan kerja bukan secara manual, pentadbiran atau perkeranian hanya di pejabat atau tempat yang tidak berbahaya

### Kelas 2

Profesion dan pekerjaan yang melibatkan kerja bukan manual dengan sedikit pendedahan terhadap risiko dari alam sekitar atau yang memerlukan banyak perjalanan, atau kerja dengan tugas penyeliaan dan sesekali terlibat dengan kerja manual ringan

### Kelas 3

Profesion dan pekerjaan yang melibatkan kerja manual ringan yang bukan bersifat berbahaya tetapi melibatkan penggunaan peralatan atau jentera ringan



## Pengecualian Penting

- Sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang, pendedahan yang sengaja terhadap bahaya, bunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan
- Sebarang kecacatan fizikal atau mental atau kelemahan, penyakit, jangkitan bakteria atau virus yang sedia ada
- HIV dan/atau mana-mana penyakit berkaitan HIV termasuk AIDS dan/atau mana-mana derivatif mutan
- Kesan ubat/dadah yang tidak dipreskripsi oleh Pakar Perubatan
- Kehamilan atau kelahiran anak
- Sukan ekstrem, meneroka gua, perburuan persendirian, maraton ultra, perlumbaan selain daripada lumba lari atau berjalan kaki
- Penerbangan selain daripada penumpang dalam pesawat penumpang berlesen
- Peperangan, pencerobohan, penentangan, revolusi
- Perkhidmatan tentera atau polis atau bomba, secara tetap atau sementara
- Penglibatan atau mengambil bahagian dalam sebarang sukan profesional



### 1. Siapa yang layak?

Semua warga Malaysia, penduduk tetap Malaysia, pemegang permit kerja, pemegang pas, atau bekerja secara sah di Malaysia dan suami/isteri/anak mereka yang menetap secara sah di Malaysia. Orang Yang Diinsuranskan berumur antara tiga puluh (30) hari dan enam puluh sembilan (69) tahun pada tarikh kemasukan dan boleh diperbaharui sehingga seratus (100) tahun.

### 2. Adakah manfaat perbelanjaan perubatan dibayar untuk setiap hilang upaya?

Ya, kami akan membayar sehingga jumlah yang diinsuranskan untuk perbelanjaan perubatan bagi setiap kemalangan dan tiada had untuk bilangan tuntutan yang dibuat dalam mana-mana satu tahun.

### 3. Adakah pelan ini dibayar sebagai tambahan kepada mana-mana polisi insurans lain yang mungkin saya miliki?

Ya, ia dibayar sebagai tambahan kepada polisi insurans lain yang mungkin anda miliki kecuali untuk Pembayaran Balik Perubatan.

### 4. Bagaimanakah saya layak untuk Bonus Pembaharuan?

Selagi anda memperbaharui polisi anda dan tiada tuntutan di bawah Kematian atau Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan pada tahun sebelumnya, Bonus Pembaharuan sebanyak 15% daripada Jumlah Prinsipal yang Diinsuranskan akan diberikan sebagai ganjaran. Hanya tuntutan di bawah Kematian atau Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan akan menjejaskan Bonus Pembaharuan anda.

### 5. Bagaimanakah saya layak menerima Diskaun Tanpa Tuntutan?

Anda akan layak mendapat Diskaun Tanpa Tuntutan sebanyak 10% atas premium pembaharuan anda selagi tiada tuntutan dibuat pada tahun sebelumnya. Anda layak menerima Diskaun Tanpa Tuntutan setiap tahun tetapi sila ambil perhatian bahawa premium pembaharuan tidak dikurangkan.

### 6. Bagaimanakah caranya untuk menggunakan Kemasukan Hospital Tanpa Tunai?

Anda boleh menerima kemudahan Kemasukan Hospital Tanpa Tunai di Hospital Yang Mengambil Bahagian (senarai terdapat di laman web kami) dengan memberikan nombor Kad Pengenalan apabila dimasukkan ke hospital.

## Daftarlah untuk **SmartPA Enhanced** hari ini!

Untuk maklumat lanjut, hubungi ejen anda atau  
Talian Perkhidmatan Pelanggan AXA **(603) 2170 8282**

Waktu Operasi: 8.30 pagi hingga 5.30 petang (Isnin hingga Jumaat kecuali cuti umum)

Dapatkan maklumat lanjut daripada ejen insurans anda

**AXA Affin General Insurance Berhad** (197501002042)

Ground Floor Wisma Boustead 71 Jalan Raja Chulan 50200 Kuala Lumpur

☎ (603) 2170 8282

📠 (603) 2031 7282

✉ customer.service@axa.com.my

🌐 www.axa.com.my



Risalah ini bukan kontrak insurans. Terma, syarat dan definisi yang tepat dinyatakan dalam polisi insurans.

Seciranya berlaku perbezaan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Muka surat 8/8